



23 Disember 2009

## Notis

Kepada Semua Penedar EcoFirst Products,

Pihak Syarikat telah mendapati bahawa terdapat sesetengah penedar yang menjalankan perniagaan EcoFirst Products dengan mencetak risalah serta bahan cetakan lain dengan memasukkan logo dan nama EcoFirst Products tanpa makluman dan kelulusan bertulis dari pihak Syarikat. Tindakan ini telah bercanggah dengan Perkara (4) dalam Undang-Undang dan Peraturan Penedar EcoFirst Products yang berbunyi seperti berikut:-

### 4. Pengiklanan Dan Penggunaan Nama Dagangan

- (a) Semua penedar tidak seharusnya mengiklan produk syarikat dan/atau Pelan Pemasarannya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada EcoFirst Products kecuali menggunakan secara tepat perkataan yang digunakan dalam bahan bercetak syarikat.
- (b) Selain bahan bercetak yang dibekalkan oleh EcoFirst Products dan/dijual kepada penedar, penedar tidak seharusnya menggunakan nama Syarikat sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Syarikat.

Jika status penedar tamat tempoh atau ditamatkan, seseorang penedar:

- (i) Menanggalkan dan tidak lagi menggunakan logo Syarikat dan/atau sebarang perwakilannya;
- (ii) Tidak menggunakan sebarang nama, lambang, label, alat tulis, nama produk, hak cipta, reka bentuk dan/atau sebarang bahan bercetak berkaitan sebarang produk Syarikat;
- (iii) Penedar EcoFirst Products tidak boleh mendaftar atau menggunakan nama Syarikat, tanda perniagaan, logo atau nama produk dalam sebarang laman web, alamat URL (Uniform Resources Locator), nama domain, pengiklanan media elektronik atau dalam sebarang bentuk iklan.

Dengan itu diharap mendapat kerja sama yang sepenuhnya dari semua penedar EcoFirst Products agar mendapatkan kebenaran bertulis dari pihak Syarikat dahulu sebelum membuat apa-apa percetakan dan pendedaran risalah untuk perniagaan EcoFirst Products.

Pihak Syarikat tidak akan teragak-agak untuk membatalkan keahlian penedar ini mengikut Perkara (6) **Pembatalan, Pemberhentian, Penamatan, Kematian Atau Ketidakupayaan** dan Perkara (12) **Prosedur Ratifikasi kerana Melanggar Undang-undang dan Peraturan Penedar** dalam Undang-Undang dan Peraturan Penedar

Sekian, terima kasih.  
Pihak Pengurusan